

Tangkap hasil laut tanpa permit

HM 10/06/23 m/s 25

Georgetown: Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) menahan dua bot nelayan tempatan bersama 10 kru warga asing di kedudukan 14 serta 15.5 batu nautika barat daya Pulau Kendi, di sini, kerana melanggar syarat sah lesen dan tiada permit yang sah.

Dalam kejadian jam 2.40 petang, bot kelas B1 dan C itu ditahan ketika anggota APMM melaksanakan rondaan rutin menerusi Op Ti-

ris dan Op Pertiwi di perairan terbabit.

Pengarah APMM Pulau Pinang Kepten Maritim Abd Razak Mohamed berkata, bot pertama dikesan ketika menangkap ikan sebelum dirapati untuk pemeriksaan.

"Ketika pemeriksaan, didapati bot berkenaan dikendalikan lima kru warga Myanmar bersama hasil laut sebanyak kira-kira 400 kilogram (kg) ikan.

"Manakala pemeriksaan

terhadap bot kedua mendapati ia dikemudi lima kru warga Myanmar yang memuatkan ikan sebanyak 500kg," katanya.

Menurutnya, kesemua kru yang ditahan berusia 26 hingga 58 tahun didapati gagal mengemukakan dokumen pengenalan diri.

Katanya, siasatan dibuat mengikut Seksyen 8 (b) Akta Perikanan 1985 dan Seksyen 6 (1) (c) Akta Imigresen 1959/63.



KRU salah sebuah bot yang ditahan APMM kerana melanggar syarat sah lesen dan tiada permit yang sah.